



Lebih 6,000 sukarelawan bantu mangsa banjir Kuantan



Lebih 6,000 sukarelawan Universiti Malaysia Pahang (UMP) terlibat sebagai sukarelawan membantu mangsa banjir sekitar Kuantan sejak bencana menimpa negeri ini 4 Disember 2013 yang lalu.

Di antara yang terlibat termasuklah empat badan uniform yang berdaftar di UMP dan persatuan-persatuan pelajar termasuk Kor Sukarelawan Polis Siswa dan Siswi (SUKSIS), Sekretariat Mahasiswa Anak-anak Pahang (SeMampan), Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (Palapes) Laut dan Kelab Pembimbing Rakan Siswa (PERSIS). Kebanyakan mereka menuju ke kawasan petempatan keejiran seperti Tanah Putih, Pandan, Bukit Rengin dan Sungai Isap dan sekitar Kuantan serta Pekan.

Menurut Timbalan Pendaftar, Pejabat Naib Canselor yang juga mengetuai Bilik Gerakan Banjir UMP, Abd. Rahman Haji Safie, pihaknya menggerakkan tenaga sukarelawan bagi mengagihkan sumbangan keperluan bekalan dalam membantu mangsa, membantu petugas di pusat penempatan dan membersihkan rumah mangsa banjir.

“Sukarelawan juga membantu mengagihkan sumbangan daripada badan korporat, badan bukan kerajaan dan individu perseorangan kepada mangsa banjir yang

dibenarkan pulang ke rumah masing-masing.

“Para sukarelawan ini yang dipecahkan kepada beberapa kumpulan bergerak ke pusat penempatan banjir bagi membantu petugas termasuk membantu memasak, membersihkan tandas dan persekitaran penempatan dan bergotong-royong membersihkan rumah mangsa manakala terdapat juga sukarelawan yang memasak di masjid UMP untuk mangsa banjir yang ditempatkan dalam kampus serta untuk pelajar UMP sendiri yang terlibat dalam membantu mangsa banjir,” katanya yang bercakap di Bilik Gerakan Banjir UMP bersama 50 petugas yang menjalankan tugas 24 jam sehari.

Katanya, UMP menubuhkan Tabung Bencana Banjir dalam usaha membantu masyarakat di sini selain menerima bantuan bekalan makanan, pakaian dan peralatan termasuk lampin pakai buang, selimut dan toto daripada pihak luar dan orang persendirian. Beliau mengharapkan dengan sedikit sumbangan tenaga ini sekurang-kurangnya dapat membantu meringankan beban mangsa banjir berdepan dengan situasi ini.

Di antara bantuan yang diterima termasuklah daripada Skuad Sayang UMNO Meru Bahagian Kapar, Persatuan Wanita UMP

(Matahari), Majlis Kesukarelawan Universiti-universiti Malaysia (MASKUM), Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar Kementerian Pendidikan Malaysia.

Sementara itu, menurut Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin yang juga Pengerusi Jawatankuasa Induk Banjir UMP berkata, penglibatan mahasiswa dalam aktiviti kemasyarakatan ini dapat memberi pengalaman dan membentuk sifat kepimpinan mahasiswa selain berbakti kepada masyarakat.

Atas dasar prihatin UMP juga menagguhkan pengajian pelajar UMP mulai Rabu hingga Jumaat lalu memberi peluang pelajar untuk sama-sama turun padang membantu masyarakat yang menerima bencana. Selain itu, universiti turut mengadakan Gotong-Royong Perdana melibatkan seramai lebih 3,000 melibatkan lebih 70 kawasan penempatan bagi menjalankan aktiviti kesukarelawan membersihkan kawasan dan rumah.

Antaranya termasuk di SK Belukar, SK Pandan, SMK Permatang Badak, Sungai Isap Perdana, Sg. Isap Murni, Chendering, Pandan Damai, Taman Sepakat dan Kampung Kurnia.